

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' HENRY SUM AGONG [LAWAS]

TARIKH : 16.3.2016

SOALAN :

Dato' Henry Sum Agong [Lawas] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan :-

- (a) apakah perkembangan selanjutnya mengenai pelaksanaan SK Long Sukang yang tergendala sekian lama dan berapa buah sekolah di Parlimen Lawas yang mendapat peruntukan untuk menggantikan bangunan lama dan yang usang; dan
- (b) apakah kemudahan yang disediakan untuk OKU khususnya dalam pendidikan yang memerlukan kemudahan tersebut, contoh di daerah Lawas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pelaksanaan projek SK Long Sukang telah disenaraikan dalam RMKe-11 melibatkan kos siling sebanyak RM19.4 juta bagi kerja-kerja pembinaan di kawasan blok pentadbiran dan kantin yang terlibat dengan kerja-kerja penstabilan cerun. Sebelum projek tersebut boleh dilaksanakan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bersama-sama Institut Kerjaraya Malaysia (IKRAM) selaku pakar geologi sedang berusaha memuktamadkan rekabentuk

pembaikan kerja cerun di sekolah tersebut. Sehingga kerja berkaitan selesai barulah proses penyiapan bangunan terbengkalai tersebut dapat diteruskan dengan menjalankan ujian integriti struktur dan seterusnya perolehan bagi penyiapan baki kerja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2015, sebanyak 46 buah sekolah di negeri Sarawak telah menerima peruntukan sebanyak RM50 ribu bagi setiap sekolah termasuklah SMK Lawas dengan peruntukan berjumlah RM23 juta. Peruntukan yang diturunkan tersebut adalah bagi projek naik taraf dan perolehan aset.

- (b) Kemudahan infrastruktur yang selamat dan kondusif merupakan satu keperluan penting bagi Murid Berkeperluan Khas (MBK) dalam memastikan mereka mendapat akses kepada pendidikan yang berkualiti setanding dengan murid di arus perdana. Sehubungan itu, KPM sentiasa memastikan kemudahan untuk Orang Kurang Upaya (OKU) diambil kira dalam setiap perancangan pembangunan seperti yang ditetapkan dalam skop piawai pembinaan sesebuah sekolah. Sepanjang RMKe-10 (2010 - 2015), sebanyak 11 buah sekolah melibatkan 5 buah sekolah rendah dan 6 buah sekolah menengah yang melaksanakan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di negeri Sarawak telah menerima peruntukan sebanyak RM960 ribu bagi menyediakan kemudahan mesra OKU seperti tandas OKU, *Ramp* (laluan khas kerusi roda), *handrail* dan parkir OKU. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di daerah Lawas, terdapat dua buah sekolah yang menawarkan PPKI iaitu SK Pusat dan SMK Lawas.